

23 JUL 1998

Mahathir-Afrika

DR MAHATHIR BERLEPAS KE AFRIKA

SEPANG, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Afrika untuk lawatan kerja ke Afrika Selatan, Namibia dan Mozambique bermula hari ini sehingga 31 Julai.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas ke Johannesburg melalui Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada pukul 1.05 pagi.

Yang turut berada di KLIA untuk mengucapkan selamat jalan ialah Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

Di Afrika Selatan, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan pemangku Presiden negara itu Thabo Mbeki.

Selain itu, Dr Mahathir juga akan merasmikan pembukaan bangunan baru Canseri bagi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Pretoria dan Pesta Makanan dan Kebudayaan Malaysia serta bertemu dengan wakil syarikat-syarikat Malaysia di Afrika Selatan.

Pada 25 Julai, Dr Mahathir akan berlepas ke Namibia untuk lawatan kerja lima hari di mana beliau akan menghadiri Persidangan SAID '98 (Dialog Antarabangsa Selatan Afrika).

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Namibia Dr Samuel Nujoma serta pemimpin-pemimpin negara Afrika lain yang menghadiri SAID '98 seperti Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi dan Presiden Ghana Jerry Rawlings.

Pada persidangan empat hari itu, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan bertajuk "Pengurusan Koperasi Global".

Dari Namibia, Dr Mahathir akan berlepas ke Maputo, Mozambique pada 29 Julai.

Di Mozambique, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Joaquim Alberto Chissano selain menghadiri majlis dialog dengan golongan usahawan anjuran Petronas serta melawat sebuah zon perindustrian.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Malaysia pada 31 Julai.

-- BERNAMA

RAZ AKD